

**REKONSTRUKSI RUPA BENTUK SENI BINA
KOTA PEMERINTAHAN MELAYU LAMA
DAERAH PERAK TENGAH**

FIRDAUS AL-SIDDIQ BIN FADZIL

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2010

PENGHARGAAN

Bismillah. Pertama sekali saya ingin memanjatkan rasa syukur kepada Rabb yang Maha Mengatur atas nikmat dan pertolongan Nya sepanjang menjalankan penyelidikan ini dan seandainya tanpa keredhaan dan izin daripada Nya, kemungkinan penyelidikan ini tidak dapat mencapai matlamatnya. Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung serta memberikan kerjasama yang memberangsangkan terhadap proses menyiapkan hasil penyelidikan saya ini sama ada dalam bentuk nasihat, pandangan, penyediaan bahan-bahan rujukan serta tunjuk ajar. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada penyelia saya, iaitu Prof Madya Dr Julaihi b. Wahid, di atas bimbingan dan kesudian meluangkan masa untuk melihat dan mendengar proses kerja penyelidikan saya dari semasa ke semasa.

Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada institusi-institusi dan orang-orang perseorangan yang telah banyak membantu dalam menyumbangkan bahan-bahan, idea yang bernas sehingga terhasilnya tesis ini. Di antaranya adalah *Centre For Knowledge and Understanding Of Tropical Architecture and Interior (KUTAI)* Universiti Teknologi MARA Perak, Universiti Sains Malaysia, Fakulti Seni Bina, Perancangan dan Ukur, Universiti Teknologi Mara, Perpustakaan Negeri Perak, Muzium Taiping, Arkib Negara Malaysia, Badan Warisan Negeri Perak, Istana Negeri Perak, Jabatan Pemetaan Negeri Perak, dan lain-lain yang tidak dapat saya sebutkan di sini.

Penghargaan yang tidak terhingga juga saya tujukan kepada En.Wan Burhanuddin Bin Wan Abidin dari Universiti Sains Malaysia dan Prof Madya Dr Sabrizaa Abd Rasyid dari Universiti Teknologi Mara, di atas perkongsian bahan, ilmu, idea serta pandangan yang berguna sebagai rujukan untuk saya menghasilkan tesis ini. Tidak lupa juga kepada teman-teman pensyarah Seni Bina UiTM Perak, pensyarah-pensyarah UiTM, dan pensyarah-

pensyarah USM di atas perbincangan-perbincangan dan diskusi yang bermanfaat. Kepada orang perseorangan yang sudi membantu iaitu En.Ramli Ngah Mat Ali (Toh Lela Indera Orang Besar Perak), Prof Madya Dr. Mokhtar Saidin (Pengarah Pusat Penyelidikan Arkeologi Global USM) dan En. Mohd Taib bin Mohamed (Ketua Pustakawan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak) bantuan dan sumbangan daripada kalian amatlah dihargai.

Ucapan terima kasih juga ditujukan terutamanya kepada para penduduk kampung di sekitar kawasan kajian di sepanjang lembangan Sungai Perak terutamanya dua buah kampung yang terlibat iaitu kampung Teluk Memali di Bandar Baharu dan Kampung Teluk Bakong. Sememangnya penduduk-penduduk kampung di sini adalah pihak terpenting sepanjang saya mendapatkan maklumat yang berguna berkaitan dengan makam-makam dan masjid lama serta sejarah kesultanan negeri Perak. Penduduk kampung yang terlibat secara langsung dan tidak langsung terdiri daripada pelbagai lapisan umur yang memberikan kerjasama yang sangat baik sepanjang saya melakukan penyelidikan di tapak kajian.

Sememangnya tidak dilupakan kepada ahli keluarga saya yang dikasihi yang banyak membantu saya sepanjang proses menyiapkan hasil penyelidikan ini. Terutama sekali terima kasih diucapkan kepada isteri tercinta Farrah Mardinawatiee di atas sokongan dan dorongan yang diberikan serta memahami tugas saya sepanjang menyiapkan tesis ini serta tidak pernah jemu dalam menitipkan kata-kata semangat, saudara-saudara serta rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa bersedia menyumbangkan idea dan pendapat berkenaan penyelidikan yang dijalankan. Alhamdulillah.

Firdaus Al-Siddiq Fadzil

November 2010

SUSUNAN KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGHARGAAN	ii
SUSUNAN KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	ix- iv
SENARAI PETA	xi- xii
SENARAI GAMBAR FOTO	xii
ABSTRAK	viii
ABSTRACT	ix

BAB 1: PENGENALAN

	Muka Surat
1.0 Latar Belakang Dan Pemerintahan Kerajaan Melayu di Perak	1
1.1 Melayu Dan Sungai	4
1.2 Petempatan dan Kampung Melayu	8
1.3 Makna Dan Sejarah Kota	11
1.4 Peranan Kota Pemerintahan Melayu Lama	20
1.5 Pendokumentasian Kota Pemerintahan Melayu Lama	22
1.6 Pendapat-pendapat Tentang Kota Pemerintahan Melayu Lama	22
1.7 Kota Pemerintahan Melayu Lama di Perak	24
1.8 Bukti Fizikal Kota Pemerintahan Melayu Lama	29
1.9 Penimbulan Kota Pemerintahan Melayu Lama	30
1.9.1 <i>Hydrological Survey</i>	30
1.9.2 Penceritaan Rakyat	31
1.10 Pengamatan Kini Tentang Kota Pemerintahan Melayu Lama	31

BAB 2: KAJIAN

	Muka Surat
2.0 Pengenalan	33
2.1 Kepentingan	33
2.1.1 Kepentingan Kepada Pihak Berkuasa Tempatan	34
2.1.2 Kepentingan Kepada Ahli Akademik (Sejarah dan Seni Bina)	35
2.1.3 Kepentingan Kepada Industri Pelancongan	36
2.1.4 Kepentingan Kepada Masyarakat Umum	34
2.2 Objektif Kajian	37
2.3 Skop Kajian	37
2.4 Kaedah Kajian	38
2.4.1 Tukar bentuk Info	39
2.4.1.1 Teks Kepada Ruang Bentuk	39
2.4.1.2 Imej 2D Kepada 3D	40
2.4.1.3 Lisan Ditekankan Dan Dilakar	41
2.4.2 Olahlakar	43
2.4.3 Penyatuan Lakaran - Lakaran	44
2.4.3.1 Berdasarkan Budaya	44
2.4.3.2 Berdasarkan Geografi	45
2.4.3.3 Berdasarkan Orang	46
2.4.4 Menghasilkan Ruang Bentuk Kota Pemerintahan Melayu Lama	47
2.5 Isu Dan Permasalahan Kajian	48
2.5.1 Kekurangan Maklumat Berkaitan Perihal Kota Melayu Lama Dan Tapak Bersejarah	48
2.5.2 Kekurangan Orang Yang Mengetahui Tentang Sejarah Pemerintahan Kesultanan Perak Terdahulu	49
2.5.3 Kesukaran Untuk Mencari Tempat Bersejarah	49
2.5.4 Masalah Rekonstruksi	49
2.6 Batasan Kajian	50

BAB 3: PARADIGMA / MODEL ARKITEKTUR

	Muka Surat	
3.0	Pengenalan	52
3.1	Dasar Paradigma	57
3.1.1	Dari Al-Quran (Surah 114, Ayat 1-3)	58
3.1.2	Dari Hadith Sahih	59
3.1.3	Model Agama Samawi (MAS)	60
3.2	Memahami Seni Bina Melalui Paradigma	61
3.2.1	Definisi	61
3.2.1	Definisi Rupa Bentuk (Morfologi)	64
3.3	Memahami Kota Melayu Lama	65
3.3.1	Orang Kerajaan Melayu	65
3.3.2	Adat dan Budaya Melayu	66
3.3.3	Wilayah Melayu	67
3.4	Penggunaannya Dalam Kajian Ini	68
3.4.1	Panduan	69
3.4.2	Tempat	70
3.4.3	Manusia	71

BAB 4: ANALISIS/ DAPATAN KOMPONEN-KOMPONEN BENTUK-RUANG

	Muka Surat	
4.0	Pengenalan	72
4.1	Elemen-Elemen Kota	72
4.1.1	Kawasan Masjid	72
4.1.2	Kawasan Kampung	75
4.1.3	Kawasan Istana	77
4.1.4	Tapak Makam	80
4.1.5	Kawasan Jeti Lama	82
4.1.6	Kawasan Pasar	84
4.1.6	Tapak Limbungan Kapal Lama	86
4.2	Dua Elemen Yang Tidak di Ambil Kira	88
	Dua Kes Kota Lama	88

3.2.1	Definisi Rupa Bentuk (Morfologi)	64
3.3	Memahami Kota Melayu Lama	65
3.3.1	Orang Kerajaan Melayu	65
3.3.2	Adat dan Budaya Melayu	66
3.3.3	Wilayah Melayu	67
3.4	Penggunaannya Dalam Kajian Ini	68
3.4.1	Panduan	69
3.4.2	Tempat	70
3.4.3	Manusia	71

BAB 4: ANALISIS/ DAPATAN KOMPONEN-KOMPONEN BENTUK-RUANG

	Muka Surat	
4.0	Pengenalan	72
4.1	Elemen-Elemen Kota	72
4.1.1	Kawasan Masjid	72
4.1.2	Kawasan Kampung	75
4.1.3	Kawasan Istana	77
4.1.4	Tapak Makam	80
4.1.5	Kawasan Jeti Lama	82
4.1.6	Kawasan Pasar	84
4.1.6	Tapak Limbungan Kapal Lama	86
4.2	Dua Elemen Yang Tidak di Ambil Kira	88
4.3	Dua Kes Kota Lama	88
4.3.1	Kes 1: Bandar Baharu, Kampung Gajah, Perak	90
4.3.1.1	Bentuk Dari Teks	91
4.3.1.2	Bentuk Dari Imej	91
4.3.1.3	Bentuk Dari Lisan	91
4.3.1.4	Rupa Bentuk Teoritis KPML	91
4.3.2	Kes 2: Telok Bakong, Lambor Kanan, Perak	104
4.3.2.1	Bentuk Dari Teks	105
4.3.2.2	Bentuk Dari Imej	105
4.3.2.3	Bentuk Dari Lisan	105
4.3.2.4	Rupa Bentuk Teoritis KPML	105

4.4	Kesimpulan	105
-----	------------	-----

BAB 5: SINTESIS/ KESATUAN KOMPONEN-KOMPONEN BENTUK-RUANG

	Muka Surat	
5.0	Pengenalan	118
5.1	Templet	118
5.2	Pengguna Templet	118

BAB 6: KESIMPULAN

	Muka Surat	
6.0	Pengenalan	131
6.1	Agenda Kajian	132
6.2	Penemuan Kajian	132
6.2.1	Kaedah Dan Penemuan Baharu Untuk Memahami Sejarah	133
6.2.2	Elemen-elemen Fizikal Yang Membentuk Kota Pemerintahan Melayu Lama	134
6.2.3	Rupa Bentuk Asas Kota Pemerintahan Melayu Lama	135
6.3	Kajian Selanjutnya	132

SUSUNAN RUJUKAN

	Muka Surat
Buku	139
Prosiding	140
Kertas Kerja	141
Tesis	141
Laman Wen (Teks Dan Imej)	141

GLOSARI	143-153
BIODATA PENKAKI (CV)	154-157

SENARAI JADUAL

Muka Surat

3.1	Model Agama Samawi	61
4.1	Jadual Carian Tapak KPML di Daerah Perak Tengah	89

SENARAI RAJAH

Muka Surat

1.1	Sungai Perak Pernah Menjadi 'Lebuh Raya' Di Negeri Perak. (Sumber: Cempaka Sari; 1986)	6
1.2	Berakit Antara Kegiatan Penduduk Awal Di Tebing Sungai Perak. (Sumber: Arkib Negara)	7
1.3	Suasana Perkampungan Melayu Di Tebing SungaiPerak. (Sumber: Cempaka Sari; 1986)	11
1.4	Wajah Kampung Melayu Yang Di Ambil Dari Sekeping Poskad Lama. (Sumber: www.sabrizain.org)	11
1.5	Rupa Bentuk Kubu Pertahanan Orang Melayu Di Tebing Sungai Perak Pada Sekitar Tahun 1800. (Sumber : Arkib Negara)	12
1.6	Pelan Binaan Kota Fort Cornwallis. (Sumber: Siti Norlizaiha Harun; 2002)	18
1.7	Kerajaan Gangga Negara Yang Wujud Sejak Kurun Ke 11 Antara Kota Lama Yang Wujud Di Perak.(Sumber : http://mindaahad.wordpress.com)	20
1.8	Peta Negeri Perak Menunjukkan Sebilangan KPML Dan Penempatan Melayu Dengan Lokasi Di Sepanjang Sungai Perak Dan Cawangan-cawangannya Pada Sekitar Tahun 1528-1865 (Sumber : Norhasandi Mat; 2008)	27
1.9	Gambaran 3D Kota Long Jaafar Di Daerah Larut, Perak (Sumber : www.devianart.com)	28
1.10	Candi Angkot Watt Yang Masih Utuh Sehingga Kini (Sumber : http://worldtourismnews.blogspot.com)	32
2.1	Sub Kawasan Kajian Adalah Bermula Dari Sekitar Kawasan Kampung Gajah Hingga Ke Bota Kanan Di Daerah Perak Tengah. (Sumber: Google Map)	41

2.2	Contoh Lakaran Bentuk Dan Ruang Yang Diterjemahkan Dari Sumber Teks	40
2.3	Matlumat Daripada Bahan Lisan Diterjemahkan Ke Dalam Bentuk Lakaran	41
2.4	Matlumat Di Olahlakar Untuk Menghasilkan Rupa Bentuk	44
2.5	Penyatuan Lakaran Berdasarkan Budaya Dengan Memahami Fungsi Dan Ruang Masjid	45
2.6	Penyatuan Lakaran Berdasarkan Geografi Tapak Bersejarah	46
2.7	Contoh Penghasilan Rupa Bentuk (3D) Kawasan Istana Dalam Sesebuah KPML	48
3.1	<i>Triple Bottom Line</i> , Elkington.(Sumber : Google Imej)	53
3.2	Contoh Badan Yang menggunakan Pendekatan TBL	54
3.3	(<i>Rajah12</i>) Merujuk Kepada Penjelasan Dotrin Perancangan Sejagat atau DPS (Sumber : http://www.hbp.usm.my/1b/Papers/serpih_seluruh/index.htm)	56
3.4	Model Seluruh Lebih Ideal Dan Sederhana Berbanding DPS	54
3.5	Ilustrasi Berdasarkan Terjemahan Dari Al-Quran dan Al-Hadith	59
3.6	Ilustrasi Penghasilan Agama Samawi	60
3.7	Hierarki Kesultanan Melayu Yang Menunjukkan Hubungan Timbal Balik Dan Saling Melengkapi Antara Lapisan Sosialnya.	66
3.8	Contoh Sumber Teks Atau Bahan Bertulis	69
3.9	Contoh Sumber Imej Atau Bahan Bergambar	70
3.10	Contoh Sumber Lisan Atau Bahan Cerita	71
4.1	Contoh Rupa Bentuk Masjid Lama Yang Mempunyai Pengaruh Seni Bina Aceh Dan Di Bina Pada Sekitar Tahun 1800. (Sumber : Malaysia A Pictorial History 1400-2004.	73
4.2	Morfologi Kawasan Masjid	74
4.3	Wajah Kampung Melayu Yang Di Ambil Dari Sebuah Poskad Lama. (Sumber: http://www.sabrizain.org/malaya)	75
4.4	Morfologi Kawasan Kampung	76
4.5	Rupa Bentuk Istana Sultan Ismail Mu'abidin Riayat Shah, Sultan Perak yang ke-25, Terletak Di Durian Sebatang Yang Mempunyai Ciri-ciri Senibina Melayu Dan Diperbuat Dari Kayu, Buluh Dan Nipah. (Sumber: http://sebangkuala.wordpress.com)	78
4.6	Morfologi Kawasan Istana	76
4.7	Kawasan Perkuburan Di Raja Yang Terletak Berhampiran Pekan Bota Kanan.	80
4.8	Morfologi Kawasan Makam	81
4.9	Kawasan Jeti Lama Di Tebing Sungai Di Perak.(Sumber Arkib Negara)	82

4.10	Morfologi Kawasan Jeti Lama	83
4.11	Kawasan Pasar Yang Terletak Di Tebing Sungai. (Sumber Arkib Negara)	84
4.12	Morfologi Kawasan Pasar	85
4.13	Kawasan Limbungan Di Nusantara. (Sumber Arkib Negara)	86
4.14	Morfologi Kawasan Limbungan Kapal	87
4.15	Penghasilan Bentuk Dari Teks Di Bandar Baharu	92-93
-		
4.16		
4.17	Penghasilan Bentuk Dari Imej Di Bandar Baharu	94-96
-		
4.19		
4.20	Penghasilan Bentuk Dari Lisan Di Bandar Baharu	97-102
-		
4.25		
4.26	Penghasilan Rupa Bentuk Teoritis KPML Di Bandar Baharu	103
4.27	Penghasilan Bentuk Dari Teks Di Teluk Bakong	107
4.28	Penghasilan Bentuk Dari Imej Di Teluk Bakong	108
-		
4.31		111
4.32	Penghasilan Bentuk Dari Lisan Di Teluk Bakong	112
-		
4.36		116
4.37	Penghasilan Rupa Bentuk Teoritis KPML Di Teluk Bakong	117
5.1	Templet Rupa Bentuk KPML	119
5.2	Analisis Ruang Dan Bentuk Menggunakan Templet Rupa Bentuk KPML	121
-	1 hingga 10	-
5.11		130
6.1	Rupa Bentuk Teoritis Kota Pemerintahan Melayu Lama Di Daerah Perak Tengah	131

SENARAI PETA

	Muka Surat	
4.1	Kawasan Jajahan Bandar Baharu, Kampung Gajah. (Sumber : http://wikimapia.org)	90
4.2	Kawasan Jajahan Teluk Bakong, Lambor Kanan (Sumber: http://wikimapia.org)	104

SENARAI GAMBAR FOTO

	Muka Surat
2.1 Temu Bual Pengkaji Bersama Beberapa Penduduk Kampung	42
4.1 Pemandangan Tebing Sungai Di Bandar Baharu	91
4.2 Jalan Masuk Ke Makam Sultan Perak Ke-19	91

REKONSTRUKSI RUPA BENTUK SENI BINA KOTA PEMERINTAHAN MELAYU LAMA DAERAH PERAK TENGAH

ABSTRAK

Banyak dapat didengar tentang Kota Pemerintahan Melayu Lama (KPML) dan banyak lagi fragmennya dapat ditemukan. Walau bagaimanapun rekabentuk keseluruhannya tidak semudah itu dapat digambarkan dengan jelas. Dihipotesiskan, dikeranakan satu pegangan Bangsa Melayu ini kepada Sang Maha Pencipta, bahawa model yang digunapakai untuk membangun KPML ini adalah serupa, kalau tidak pun sama. Dikumpulkan pertamanya, fragmen-fragmen KPML dari pelbagai sumber, khususnya dari galian teks sastera lama, imej-imej dari dokumen dan keterangan terdahulu serta lisan hasil temubual formal dan informal dengan penduduk setempat. Untuk merekonstruksi KPML ini diajukan satu paradigma yang dipanggil Model Agama Samawi (MAS) sebagai alternative Triple Bottom Line hari ini, juga mengandungi tiga elemen asas, Panduan, Orang dan Tempat. Dari model ini, seni bina, sustainability (keberterusanan) dan KPML didefinisi semula. Hasil analisis teks, imej dan lisan kemudiannya dikategorikan dalam rangka MAS, mengupayakan penjanaan bentuk KPML yang ditemukan wajib mengandungi lima elemen asas. Dari dua kajian kes menggunakan lima elemen asas ini, satu templet dihasilkan, Templet KPML yang boleh digunapakai untuk menentukan rupabentuk KPML di mana-mana tapak bersejarah lain, khususnya di Nusantara.

A RECONSTRUCTION OF THE ARCHITECTURAL FORM OF THE OLD MALAY ADMINISTRATIVE CENTRE (KOTA PEMERINTAHAN MELAYU LAMA, KPML) IN THE MIDDLE DISTRICT OF PERAK.

ABSTRACT

A lot is heard about The Old Malay Administrative Centres (Kota Pemerintahan Melayu Lama, KPML) in Perak, and many of their fragments may be found. The overall form of the administrative centre however, may not be that easily illustrated. It is hypothesized, that is because the various Malay Nations held on to a single belief in The Ultimate Creator, that the model used in the development of the KPML would be the similar, if not the same. Collected first were the fragments of the KPML from various sources, specifically from the archaeology of Malay literary texts, images from past documents and descriptions, and orally from formal and informal interviews with local residents. To reconstruct the KPML, a paradigm called MAS (Model Agama Samawi, Model of Monotheistic Religion) is propounded as an alternative to the contemporary Triple Bottom Line, consisting of also three elements namely Rule, People and Place. From this Model, architecture, sustainability and KPML are redefined. The textual, image and oral analyses are then categorized in accordance with MAS, enabling the identification of the form of KPML which is found to consist of five fundamental KPML elements. From two case studies using the five KPML elements, a template is derived, the KPML Template which may be used to bring out the form of KPML from historic sites, anywhere in Nusantara.

BAB 1 PENGENALAN

1.0 Latarbelakang Dan Pemerintahan Kerajaan Melayu di Perak

Terdapat pelbagai cerita rakyat, mitos atau tradisi lisan yang meriwayatkan tentang pengasasan Kerajaan Perak. Antara kisah yang masyhur ialah *Hikayat Merong Mahawangsa*. Ia mengisahkan tentang Raja Merong Mahapudisat yang ingin membuka kerajaan baru di suatu kawasan yang mempunyai gugusan pulau-pulau. Pemilihan tempat dilakukan dengan cara memanah ke langit. Tempat jatuhnya busur panah itulah yang akan dipilih menjadi negeri. Oleh sebab busur panah itu bernama *Indera Sakti* dan diperbuat daripada logam perak, maka baginda memutuskan untuk menamainya dengan nama *Pulau Indera Sakti*. Di sini, baginda membina kota istana dan memberi gelaran baru kepada Pulau Indera Sakti iaitu Perak, sinonim dengan mata busur panah berlogamkan perak. Namun, cerita yang digambarkan dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* ini didapati bercanggah dengan *Misa Melayu* yang menyebut-bahawasanya Sultan Perak ke-15, iaitu Sultan Iskandar Dzulkarnain (1756-1770) telah membangunkan suatu tempat bernama Cempaka Sari di Kuala Sungai Kinta, yang kemudiannya diubah namanya oleh baginda kepada "*Pulau Indera Sakti*".

Sebelum wujudnya kerajaan Kesultanan Melayu Perak pada tahun 1528, telah wujud beberapa buah kerajaan kecil yang bersifat kedaerahan di pinggir Sungai Perak. Merujuk kepada sejarah awal negeri Perak, kerajaan ini berpusat di Temung. Ia dibawah pemerintahan seorang pembesar Melayu yang bernama Tuk Temung. Beliau adalah seorang wanita yang juga dikenali sebagai Tuk Masuka. Raja nya belum bergelar Sultan, hanya dengan nama HALUAN. Maka Haluan Negeri Perak pada masa itu bernama Tok Masuka dan orang-orang besarnya diantaranya bernama Tun Saban, Nakhoda Kassim, Puteri Darah Putih anak Penghulu Semang, Hulu-Perak. Dalam pemerintahan Haluan Paduka Tok Masuka pada masa itu maka mulalah ramai orang

Melayu Perak menukarkan agama mereka daripada Hindu dan Buddha kepada agama Islam. Pusat-pusat pemerintahan pada masa itu adalah kecil dan kurang terdedah kepada dunia luar. Pada abad ke-15, ada juga tercatat kerajaan Melayu awal yang wujud di negeri Perak dan dikatakan seusia dengan Kesultanan Melayu di Melaka. Dua kerajaan Melayu tersebut adalah dinamakan Kerajaan Beruas dan Kerajaan Manjung.

Ada juga kisah lagenda menceritakan tentang Semang Putih yang dikaitkan dengan asal-usul Kesultanan Melayu Perak. Namun demikian, fakta sejarah sepatat menyatakan bahawa Sultan Mudzaffar Shah adalah Sultan Perak yang pertama. Walau bagaimanapunpun terdapat percanggahan tentang cara baginda sampai ke Perak. Dinyatakan bahawa, Raja Mudzaffar bersama isterinya Tun Terang dan puteranya Raja Mansor berangkat meninggalkan Kampar selepas tahun 1528, apabila adinda tirinya, Raja Ali dilantik menggantikan Sultan Mahmud Shah (ayahanda Sultan Mudzaffar Shah yang berkerajaan di Melaka) selepas kemangkatan baginda.

Dari Kampar, Raja Mudzaffar dan angkatannya menuju ke Siak dan Kelang dan dari situ menuju ke Perak. Keberangkatan tiba Raja Mudzaffar telah disambut oleh orang-orang Perak di Beting Beras Basah iaitu di Kuala Sungai Perak. Dari situ, baginda terus bergerak sehingga ke sebuah tempat bernama Tanah Abang yang bermakna 'Tanah Merah' iaitu Teluk Bakong pada hari ini yang terletak di tepi tebing Sungai Perak. Di sinilah, pada tahun 1528, Sultan Mudzaffar Shah ditabalkan sebagai Sultan Perak yang pertama dengan gelaran Sultan Mudzaffar Shah.

Dengan perlantikan itu, bermulalah pemerintahan Kesultanan Melayu Perak. Semenjak pemerintahan Sultan Muzaffar Syah, sultan-sultan Perak yang kemudian menempatkan pusat pemerintahan di merata-rata tempat sepanjang lembangan Sungai Perak, seperti di Batak Rabbit, Durian Sebatang, Pulau Indera Sakti, Teluk Penadah, Pulau Juar, Pulau Tiga, Bandar Tua, Pulau

Semat, Cempaka Sari, Brahma Indera (Bota), Tanjung Belanga, Sayung, Kota Lama Kanan dan beberapa tempat lain.

Sewaktu Inggeris mula menguasai Negeri Perak, pusat pemerintahan kerajaan telah berpindah ke tebing sebelah kanan Sungai Perak, iaitu di Bukit Chandan, Kuala Kangsar. Bermula dari tahun 1528 hingga tahun 1653 adalah merupakan tahap pengasasan dan percubaan negeri Perak menjadi negeri yang bebas dan berdaulat. Namun demikian, Aceh telah menguasai politiknya hampir tujuh puluh tahun lamanya. Aceh telah mencorakkan sistem pewarisan takhta Kerajaan Perak. Pada akhir abad ke-17, penguasaan Aceh kian lemah dan Perak muncul sebagai sebuah negeri Melayu yang berdaulat dan aman makmur (Abdul Halim Nasir: 2007).

Tersebut juga di dalam sejarah, semasa zaman pemerintahan Sultan Iskandar Zulkarnain (1756-1770), Negeri Perak menempuh kegemilangan sejarahnya. Zaman inilah disifatkan oleh ahli-ahli sejarah sebagai zaman keemasan. Hakikat ini dapat dilihat daripada catatan yang terdapat di dalam Hikayat Misa Melayu yang menceritakan dengan jelas khusus mengenai zaman tersebut dan perihal kebijaksanaan kepimpinan dan kegagahan baginda memerintah negeri. Syair "Sultan Perak Melawat Jajahan Takluknya" sebagaimana yang terdapat didalam hikayat ini adalah satu contoh yang begitu terkenal lagi menggambarkan keadaan pemerintahan dan masyarakat pada zaman tersebut.

Selepas Inggeris bertapak di negeri Perak, pusat pemerintahan kerajaan kesultanan Melayu Perak telah berpindah ke hulu tebing kanan Sungai Perak, iaitu di Bukit Chandan, Kuala Kangsar. Buktinya, di sepanjang lembangan Sungai Perak, iaitu bermula dari Durian Sebatang di Teluk Intan hinggalah ke Sayung/ Sayong di Kuala Kangsar, masih terdapat makam-makam Kesultanan Melayu Perak. Kedudukan makam-makam yang bertaburan di sepanjang lembangan

Sungai Perak itu adalah disebabkan oleh kedudukan pusat-pusat pemerintahan yang berubah-ubah dari satu tempat ke tempat lain.

1.1 Melayu Dan Sungai

Menyusuri sejarah yang menceritakan tentang Melayu, tidak dapat disangkal lagi kehebatannya yang sering dikaitkan dengan kawasan perairan iaitu kepulauan, sungai dan laut. Ini dapat dibuktikan dengan merujuk kepada kerajaan Kesultanan Melayu Malaka yang pernah menjadi pelabuhan entreport antarabangsa kerana kedudukannya yang strategik sebagai pelabuhan selamat bagi pedagang yang berlayar dari lautan Atlantik hingga ke Lautan Pasifik. Antara tahun 1421-1423, pelayaran armada dari China menyatakan kepulauan Malaka yang dikenali dengan nama Melaka pada hari ini merupakan pelabuhan yang amat maju dan kaya dengan rempah serta merupakan pelabuhan yang sangat ideal sebagai tempat persinggahan pedagang China dan Arab untuk berlabuh dan berdagang. Kemasyhurannya disahkan lagi dengan penggunaan bahasa Melayu sebagai *lingua franca* atau bahasa perantara bagi pelayar dan pedagang yang berlabuh di sini.

Diandaikan di sini bahawa kehebatan ini adalah disebabkan oleh pengorganisasian Melayu sebagai komuniti yang buktinya masih wujud hingga kini. Asas organisasi Melayu ialah kerajaannya.¹ Salah satu manifestasi kerajaan ini ialah pusat pentadbiran. Pusat pentadbiran memerlukan tempat fizikal yang berbentuk kota. Berdasarkan maklumat dan kesan peninggalan sejarah inilah yang merencanakan istilah Kota Pemerintahan Melayu Lama atau KPML.

¹ Di pinjam dari daftar Istilah Islam.

Malayu, merangkumi makna bangsa, bahasa dan juga negara. Bangsa Malayu telah lama berada di Kepulauan Nusantara; Semenanjung Tanah Malayu, Sumatera, Jawa, Borneo, Pulau Besar, Kepulauan Sulu, Joho, Sulawesi, Irian dan sampai ketimur di kepulauan Cochoas, Christmas island dan ke barat pula mendiami pesisir Srilangka, Maldeva sampai kepantai selatan Afrika. Bahkan tidak berlebihan kalau ada Budayawan Malayu berkata: “Di mana pantainya tumbuh pokok nyeur disitulah tanah Malayu” (Ibnu Bahasan, 2010).

Penamaan Malayu yang menunjukkan bangsa, bahasa dan negara di duga berasal dari bangsa Arab di zaman kegemilangan Islam Baghdad. Kemungkinan ianya berasal dari kata Mala'miyah yang tersusun dari dua perkataan. Pertama adalah perkataan Mala' (mim, lam dan hamzah) yang bermakna penguasa, petinggi, pemerintah dan pemegang keputusan. Kedua, perkataan Miyah yang bermakna air. Oleh itu, maksud Mala'miyah ialah merujuk kepada pengertian penguasa dan pemerintah air iaitu di laut dan di sungai. Apabila di baca dengan sebutan "mil'u" bermaksud sesuatu yang dipenuhi air atau gambaran tempat (pulau-pulau) yang dipenuhi atau dilingkungi air (Ibnu Bahasan, 2010).

Terdapat bukti bahawa di kebanyakan tempat lembah sungai di Malaysia ini pernah didiami oleh manusia sama ada manusia pada zaman purba, mahupun manusia pada zaman Kesultanan Melayu. Sebelum lahir pusat-pusat kerajaan Melayu yang ketua pemerintahnya bergelar sultan, pusat-pusat pemerintahan yang berasaskan Islam telah wujud di beberapa tempat di lembangan sungai di nusantara.

Sungai Perak merupakan khazanah penting yang tersimpan bersamanya data-data lama seperti tapak kota pemerintahan Melayu lama, perkampungan tradisional, senibina tua dan makam lama serta menyimpan seribu satu rahsia dan misteri tentang sejarah, sosio-budaya dan pemikiran orang Melayu Perak khususnya.

Sungai Perak ialah sungai yang terpanjang di negeri Perak dan berfungsi sebagai sempadan atau garisan untuk menandai teritori sesuatu tempat. Dari sudut perspektif geografinya, di sepanjang lembah Sungai Perak, bermula dari hulu Perak yang bersempadankan Thailand, terdapat suatu lembah sungai yang luas yang menjadi tempat masyarakat menjalankan aktiviti mereka di sungai.



Rajah 1.1 : Sungai Perak Pernah Menjadi 'Lebuh Raya' Di Negeri Perak. (Sumber: Cempaka Sari; 1986)

Pada zaman tradisi ini juga, sungai merupakan nadi kegiatan politik dan sosio-ekonomi. Tambahan pula Sultan membina pusat kerajaan di tebing kanan Sungai Perak, manakala pembesar negeri berkampung di sepanjang tebing kiri Sungai Perak. Tradisi ini berakhir dengan pembinaan istana di Bukit Chandan, Kuala Kangsar (Abdul Halim Nasir; 2007).

Pada abad ke-17 Masihi, pada bahagian hulu sungai yang bersempadanan dengan Siam, pernah wujud sebuah kerajaan Melayu yang terasing dari negeri Perak, iaitu kerajaan Melayu

Reman yang terpisah dari kerajaan Melayu Patani.² Sejak bermulanya pemerintahan kesultananan di Perak, ramai orang Melayu mendirikan kawasan perkampungan di sepanjang sungai tersebut, misalnya Kampung Temenggor yang terletak di lembah Sungai Tampan, ke hulu dari Sungai Temenggor.

Jelas terbukti bahawa sejak dari dahulu, sungai merupakan nadi utama kepada kewujudan sebuah kota pemerintahan Melayu lama. Ini kerana kawasan tebing sungai sering menjadi pilihan utama sebagai pusat kegiatan penduduk untuk melakukan sebarang aktiviti atau upacara. Contohnya, pasar dan masjid dibina berhampiran dengan kawasan jeti yang menjadi tempat persinggahan dan nodus operandi perahu, kapal dan jentera pengangkutan air untuk melakukan aktiviti berkaitannya yang juga dikenali sebagai pengkalan.



Rajah 1.2 : Berakit Antara Kegiatan Penduduk Awal Di Tebing Sungai Perak. (Sumber: Arkib Negara)

² Semasa pemerintahan Raja Reman, sebahagian daripada hulu Perak sudah mempunyai sempadan yang memisahkan Reman. Satu perjanjian dibuat di sebuah bukit kecil iaitu Bukit Nasah bagi mengesahkan sempadan tersebut. Semasa perjanjian itu dibuat pada tahun 1882, sebelah utara dari bukit tersebut iaitu Grik, Temenggor dan Belum masih di bawah pemerintahan Peman, tidak lama kemudian, sempadan telah dianjakkan ke Tapung dan Kerunei di Grik.

Sebagai kesimpulan, sungai merupakan salah satu elemen alam semulajadi yang digunakan manusia bagi tujuan perhubungan dan pengangkutan yang tertua dalam sejarah dunia. Antara peranan utama sungai dalam perkembangan KPML ialah sebagai pusat pemerintahan, sempadan, perkampungan Melayu, dan pusat kegiatan penduduk, malah ia juga menjadi lokasi perletakan empangan yang berfungsi untuk mengawal aras air dan mengubah arah laluan sungai. Di sesetengah negara, sungai masih lagi dan tetap menjadi elemen terpenting pengangkutan walaupun terpaksa bersaing dengan kepesatan pembangunan sistem pengangkutan udara dan darat. Contohnya sungai Chao Phraya atau "Menam Chao Phraya" merupakan sungai terpanjang dan terpenting di negara Thailand. Sungai yang terkenal dengan pasar terapung ini pernah mewujudkan sebuah kota purba yang dikenali dengan nama Kota Ayutthaya.

1.2 Petempatan Dan Kampung Melayu

Pertumbuhan petempatan Melayu pada asalnya merupakan sebahagian daripada integral penerokaan tanah yang dibuka hasil daripada penghijrahan kaum dari suatu tempat ke tempat lain. Bagaikan sudah sehati dengan kehidupan orang Melayu, sebarang petempatan baru yang akan dibuka itu pasti dipilih berdekatan dengan sumber air seperti pinggir laut dan tebing sungai. Pemilihan ini memberi manfaat yang banyak terhadap kelestarian perkembangan kota dan kehidupan masyarakat yang dapat ditawarkan oleh kawasan pesisir pantai dan tebing sungai seperti kemudahan pengangkutan, keperluan domestik, perikanan, pengairan, sistem pembentungan dan lain-lain.

Berkesinambungan daripada aktiviti dan keperluan yang berkembang daripada pembukaan petempatan baru ini, maka akan terbentuklah sistem pentadbiran dan undang-undang, pertanian dan perniagaan serta kesenian dan kebudayaan hasil daripada perkembangan ilmu dan kemahiran yang dimiliki dan dipraktikkan oleh masyarakat yang dibawa dari tanah asal mereka setelah berhijrah ke petempatan baru ini. Maka akan terbentuklah sebuah petempatan yang unik

dan tersendiri berdasarkan morfologi dan ciri-ciri serta fungsi yang berbeza bergantung kepada geografi tempat yang diteroka, pelaku atau orang yang meneroka serta identiti budaya yang diamalkannya secara semulajadi.

Jika dilihat kembali lembaran sejarah, petempatan kampung telahpun wujud di lembah sungai Semenanjung Tanah Melayu sejak abad ke-13 lagi. Pembukaan sesebuah kampung akan melibatkan aktiviti penerokaan tanah yang seterusnya menggalakkan aktiviti pertanian, pembalakan dan penternakan untuk memenuhi keperluan hidup komuniti atau jamaah di kampung tersebut. Signifikannya kewujudan kampung itu adalah impak daripada penghijrahan manusia yang memerlukan tempat baru untuk beraktiviti yang mempunyai perkaitan kukuh dengan golongan pemerintah iaitu kumpulan terawal yang membuka petempatan baru. Kumpulan ini mempunyai keutamaan dalam susunatur dan perbendaharaan di petempatan tersebut yang juga diklasifikasikan sebagai sebuah kota. Golongan ini terdiri daripada ketua pemerintah dan pembesar-pembesar yang mempunyai tempat khusus di dalam kota itu yang dipanggil istana dan rumah pembesar.

Istana merupakan institusi pentadbiran utama dalam pembentukan sesebuah kota. Komuniti masyarakat di kampung-kampung yang dibuka berdekatan istana ini akan mengamalkan lunas-lunas yang ditetapkan golongan pemerintah. Melihatkan kepada keutamaan dan kepentingan institusi istana ini, maka elemen lain yang mengukuhkan lagi pembentukan sesebuah kota itu adalah kampung-kampung itu sendiri. Secara tidak langsung kampung-kampung yang dibuka di sekitar kawasan istana di dalam kota ini menjadi benteng pertahanan yang melindungi kota dan istana itu.


Seawal abad ke-16, penerokaan petempatan baru yang dipanggil perkampungan Melayu tradisional telah pun wujud di semenanjung Tanah Melayu dan kelompoknya begitu banyak. Selain

daripada hilir sungai dan pesisir pantai, lokasi utama yang menjadi pilihan untuk penerokaan tanah dan petempatan kampung baru ialah di hulu lembangan Sungai Perak. Kawasan ini merupakan hutan belantara yang tebal berdekatan dengan tempat tadahan air dan gunung-gunung. Dari sudut geografi, kawasan tadahan air dan pergunungan ini kaya dengan khazanah hutan seperti flora dan fauna yang mempunyai manfaat terhadap kelangsungan hidup masyarakat yang berkampung di sini.

Di antara lokasi terawal yang dapat dikenalpasti kewujudan kampung-kampung di bahagian hulu sungai ini ialah Belum lama. Sebelum tahun 1952, pengangkutan yang ada untuk menghubungkan perkampungan ini dengan dunia luar ialah gajah. Lokasinya yang terletak jauh di dalam hutan menyebabkan masa yang diperlukan untuk sampai perkampungan ini ialah seminggu lamanya. Terdapat 25 buah kampung di kawasan Belum Lama ini iaitu, Kampung Ateng, Kampung Lembu, Kampung Kubang Renggit, Kampung Banggol Setar, Kampung Tanduk, Kampung Kubang Gajah, Kampung La'or, Kampung Pahanyir (Lapang Hanyir), Kampung Maha Darat, Kampung Maha Paya, Kampung Seberang, Kampung Saka, Kampung Sa'ei (Kampung Sain), Kampung Tanjung, Kampung Banggul, Kampung Banggol Setar dan Kampung Sepor (Pos Belum). Secara tidak langsung, lokasi penempatan perkampungan ini menunjukkan betapa pentingnya peranan sungai dalam membentuk petempatan dan perkampungan orang Melayu.



Rajah 1.3 : Suasana Perkampungan Melayu Di Tebing Sungai Perak. (Sumber: Cempaka Sari; 1986)




Rajah 1.4 : Wajah Kampung Melayu Yang Di Ambil Dari Sekeping Poskad Lama. (Sumber: www.sabrizain.org)

1.3 Makna Dan Sejarah Kota

Perkataan 'Kota' dalam bahasa Melayu mengandungi beberapa erti bergantung kepada maksud yang hendak disampaikan, ayat yang membawa tujuan penyampaian dan cara kata nama 'kota' itu digunakan. Kota boleh memberi erti bandar mengikut skala keluasan dan tahap keunggulan peradabannya. Sebagai contoh, sebuah bandar besar digelar dengan nama *city* atau bandaraya. Komuniti atau masyarakat yang mendiami atau tinggal di bandar ini dipanggil

dengan nama masyarakat bandar atau masyarakat kota. Manakala masyarakat yang tinggal di luar lingkungan ini iaitu di pedalaman atau desa disebut sebagai masyarakat luar bandar atau luar kota. Bandar-bandar yang menjadi ibu negeri dan pusat penempatan institusi pentadbiran negara lazimnya dipanggil kota. Misalnya di Indonesia, bandaraya yang menempatkan institusi pentadbiran kerajaan disebut 'Ibu Kota'.



Rajah 1.5 : Rupa Bentuk Kubu Pertahanan Orang Melayu Di Tebing Sungai Perak Pada Sekitar Tahun 1800. (Sumber : Arkib Negara)

Kota juga membawa maksud 'kubu' atau benteng pertahanan dan pusat pentadbiran raja-raja Melayu pada zaman kegemilangan pemerintahan tradisi kerajaan Melayu. Menurut Abdul Halim Nasir (1993), dalam naskah Melayu lama, perkataan kota sering dikaitkan dengan istana raja-raja Melayu. Lazimnya, apabila seorang raja Melayu membuka sebuah negeri baharu, raja tersebut akan mengarahkan rakyatnya mendirikan istana yang berkota. Sejarah perkembangan tamadun dan KPML di perairan Nusantara telah bermula sejak awal kurun pertama masihi. Beberapa **kerajaan** Melayu Tua seperti Malaka, Funan, Campa, Ho-Lo-Tan, Srivijaya, Langkasuka dan Kataha telah muncul di kawasan Asia Tenggara di Kambojia, Vietnam, Selatan Thai, Sumatera sehinggalah ke Semenanjung Tanah Melayu. Indonesia yang dahulunya disebut sebagai "Nusantara" merupakan penyimpan khazanah sejarah kehidupan manusia yang sangat panjang. Sebagai contoh, kebanyakan masyarakat antarabangsa berpendapat, Pulau Jawa adalah kawasan asal usul manusia purba berdasarkan maklumat yang diperolehi melalui sumber arkeologi dan sejarah petempatannya.

Peninggalan bahan bersejarah dan sumber arkeologi yang masih ada sehingga kini membuktikan bahawa kebanyakan tempat di lembah sungai di Malaysia pernah didiami manusia bermula sejak dari zaman purba sehinggalah pada zaman Kesultanan Melayu. Kataha atau Kedah Tua telah wujud sejak kurun ke-6 hingga ke kurun ke-13. Kataha terletak di utara Semenanjung Tanah Melayu. Ia telah berkembang sebagai pelabuhan dan pusat kegiatan agama Hindu dan Buddha. Sebelum lahirnya pusat-pusat kerajaan Melayu yang ketua pemerintahnya bergelar sultan, pusat-pusat pemerintahan yang berasaskan Islam telahpun wujud di beberapa tempat di lembangan sungai di Nusantara iaitu kerajaan Islam Aceh dan Pasai.

Dikatakan bahawa sesebuah kota kepunyaan raja-raja yang memerintah mestilah dilengkapi dengan berbagai-bagai sistem kemudahan contohnya masjid yang menghubungkan pihak **istana** dan rakyat, pasar untuk perniagaan dan tempat-tempat kesenian dan sebagainya (Abdul Halim Nasir: 1990).

Raja-raja Melayu menggunakan kota sebagai pusat pertahanan, pusat pentadbiran dan pemerintahan di samping menjadi tempat tinggal atau tempat bersemayam. Maksud institusi raja menurut Mumford (1966) boleh disamakan dengan 'institusi kerajaan pemerintahan' kerana institusi ini menjadi elemen utama yang merubah struktur perkampungan kepada perbandaran.

Menurut Prof. Drs. R. Bintarto, kota adalah suatu sistem jaringan kehidupan manusia yang ditandai dengan kepadatan penduduk yang tinggi dan kepelbagaian aktiviti masyarakat yang menghuninya. Di antara aktiviti yang mempengaruhi perkembangan kota ialah kegiatan politik, spiritual, ekonomi, pertahanan, dan rekreasi. Di dalam lingkungan kota terdapat bermacam-macam bangunan dan pemukiman penduduk yang menunjukkan multifungsi dan aspek kehidupan masyarakat. Konstruksi dan koordinasi bangunan-bangunan di dalam kota mempunyai tata atur atau pola perletakan yang spesifik dan unik.

Sejak beratus-ratus tahun dahulu, orang Melayu membuka penempatan dan membina kotanya di sepanjang tebing sungai yang menjadi salah satu laluan perhubungan utama masyarakat pada ketika itu. Ia menjadi nodus atau titik tumpuan para pedagang untuk singgah atau berhenti sebentar bagi memenuhi keperluan mereka sebelum meneruskan pelayaran ke tempat lain. Memandangkan ia berfungsi sebagai tempat persinggahan, secara tidak langsung ia dapat menjana ekonomi penduduk tempatan melalui kutipan hasil atau cukai dan seterusnya berkembang sebagai pelabuhan utama bagi kapal-kapal dagang untuk singgah dan berniaga.

Selain itu, kota juga berfungsi sebagai penanda antara kawasan daratan dan perairan yang mempengaruhi orientasi pergerakan kapal-kapal yang melaluinya. Di dalam kota-kota ini didirikan rumah api (*lighthouse*) untuk mengawasi wilayah pemerintahan atau lingkungan maritim yang dikuasainya dari ancaman musuh. Ia juga menjadi isyarat bagi kapal-kapal ketenteraan yang membuat rondaan di laut.

Setiap kota tumbuh dan berkembang dengan karakter yang dimilikinya sendiri dan orang akan berusaha untuk membentuk imej terhadap kota tersebut (Peter J.M.Nas:1986). Karakter yang dimilikinya akan membentuk lingkungan binaan dan dipengaruhi oleh keadaan geografi, sosial, ekonomi, budaya, dan juga politik di kota tersebut. Pembentukan rupa bentuk kota ini adalah bertahap dan bergantung kepada perkembangan faktor-faktor terkait hingga akhirnya membentuk imej kota tersebut. Pembentukan karakter kota-kota lama ini merupakan pengaruh daripada peristiwa masa lalu dan pemerintahan terdahulu sehingga mencerminkan identitinya yang tersendiri pada lingkungan binaan kotanya.

Sejajar dengan fungsinya sebagai pusat pemerintahan, struktur fizikal yang membentuk kota ini dilengkapi dengan bangunan-bangunan yang digunakan sebagai tempat berkumpul, tempat rakyat datang menghadap, tempat perbicaraan, tempat peribadatan tempat simpanan senjata ketenteraan dan gudang simpanan makanan serta berbagai-bagai lagi. Oleh sebab raja yang memerintah tinggal di dalam kota, maka bangunan-bangunan tempat tinggal raja atau istana juga turut didirikan di dalam kota. Istana-istana raja biasanya berjumlah lebih daripada satu, jumlah itu berdasarkan kepada kedudukan kuasa seseorang raja dan martabatnya (Abdul Halim Nasir; 1990).

Kewujudan istana dan kepentingannya dalam memartabatkan institusi diraja dalam sistem pentadbiran sesebuah kota tidak dapat dinafikan. Ini kerana hukum-hukum dan perlembagaan

yang didukung akan merencanakan perkembangan kota tersebut. Ini bermakna kompleks istana raja yang lengkap dengan Balai Penghadapan, Balai Besar, Balai Rong Seri dan bangunan-bangunan lain kepunyaan raja mestilah terletak dalam sebuah kawasan yang berpagar. Lazimnya, pagar tersebut diperbuat daripada kayu pasak, buluh, benteng tanah ataupun tembok batu atau bahan-bahan binaan lain. Kawasan kompleks istana yang berpagar di sekelilingnya inilah yang disebut 'Istana Berkota'.

Jika dilihat dari sudut pertahanan dan ketenteraan, di sekeliling kota itu mestilah digali parit dan dipasang ranjau serta dipenuhi air di dalamnya sebagai penghalang kepada musuh-musuh yang datang menyerang. Sementara itu, struktur benteng kota pula mestilah kuat dan dilengkapi dengan pengawal-pengawal bersenjata lembing, tombak, keris, perisai, pedang lela ataupun meriam-meriam buatan tempatan atau dibeli dari luar.


Sejarah perkembangan ketamadunan manusia dan KPML di rantau Nusantara sebenarnya telah wujud sejak kurun pertama Masihi. Kerajaan Melayu Tua seperti Malaka, Funan, Campa, Ho Lo Tan, Srivijaya, Langkasuka dan Kataha yang melibatkan perkembangan KPML ini dapat dilihat kesan peninggalannya di kawasan Asia Tenggara seperti di Kemboja, Vietnam, Selatan Thai dan Sumatera sehinggalah ke Semenanjung Tanah Melayu. Sebagai contoh, di antara bahan arkeologi yang masih kekal ke hari ini ialah candi dan artifak berunsurkan Hindu-Buddha di Lembah Bujang, Kedah. Ia menunjukkan bahawasanya suatu ketika dahulu pernah wujud satu petempatan bercirikan kota yang bersifat kesenian dan keagamaan. Kedah boleh dianggap sebagai petempatan yang paling penting di Semenanjung Tanah Melayu semasa kurun ke-3.

Pengkalan Bujang pula merupakan sebuah pusat pemerintahan dan pelabuhan penting di Kedah sebelum wujudnya pelabuhan Melaka pada kurun ke 15. Pelabuhan ini terletak di muara Sungai Merbok berkedudukan pada lokasi yang strategik iaitu laluan masuk ke Selat Melaka,

mempunyai tempat berlubuh yang dalam dan tersembunyi, serta mudah dipertahankan jika diserang lanun. (Siti Norlizaiha Harun : 2007)

Selain Perak, tempat lain yang mempunyai binaan kota lama ialah Pulau Pinang iaitu Kota Cornwallis yang dibina pada 1786 apabila Inggeris bertapak di Semenanjung Tanah Melayu. Kota ini dibina sebagai kubu pertahanan Inggeris di pesisir pantai Pulau Pinang untuk menghadapi ancaman luar. Walau bagaimanapun, kajian konservasi menunjukkan kota ini fungsinya lebih menjurus kepada pentadbiran dan keagamaan untuk orang-orang yang mendiaminya. Ruang-ruang fizikal atau binaan utama yang melengkapkan fungsi kota lama ini ialah berek tentera, gereja, gudang senjata, penjara, setor, rumah api (*harbour light*), dan amfiteater. Meriam merupakan senjata mempertahankan kota. Bentengnya ialah dinding dua lapis daripada batu menggantikan dinding asalnya daripada batang nibung selepas 1808. Asalnya ia dikelilingi parit namun dikambus semula akibat wabak malaria pada 1920an.

Jika dilihat dari sudut penguasaan wilayah, pendekatan yang dilakukan dalam pembentukan kota dan kewilayahan antara kota Melayu Lama dengan kota Penjajah Inggeris yang bertapak di Nusantara dan Asia Tenggara adalah amat berbeza. Pengaruh ini dapat dilihat melalui konsep pemerintahan di mana Islam menggunakan pendekatan Perintah dan Pecah, manakala Inggeris menjajah dengan Pecah dan Perintah.



Rajah 1.6 : Pelan Binaan Kota Fort Cornwallis. (Sumber: Siti Norlizaiha Harun; 2002)

Konsep Perintah dan Pecah ini dapat dilihat melalui pembukaan kota yang berkembang secara semulajadi di mana lokasinya dipilih berdasarkan keadaan setempat dan berlaku secara berperingkat selari dengan kemampuan masyarakat pada ketika itu. Elemen pertama yang dibina di dalam kota ialah masjid kerana ia menjadi tempat perkumpulan masyarakat dan di sinilah ilmu Islam dikembangkan. Kemudian dibina pula Istana pemerintah sebagai pusat pentadbiran, jeti, limbungan kapal dan pemakaman yang menjana pembangunan masyarakat dan kota. Setelah pemerintahan ditaati dan masyarakat bersatu dalam fahaman yang sama, mengamalkan adat budaya yang sama dan melindungi kota yang di bangunkan bersama. Sehingga akan sampai kepada tahap di mana kota yang diperintah ini akan dipecahkan mengikut kemampuan masing-masing seperti yang berlaku di Kepulauan Indonesia yang membentuk 9 wilayah yang diwakili seorang wali atau wakil dan masyhur dengan panggilan Wali Songo (Wali Sembilan). Di antara kesan besar yang dapat dilihat ialah evolusi bahasa tempatan dan cara hidup masyarakatnya yang semakin kukuh.

Manakala Inggeris menggunakan pendekatan Pecah dan Perintah iaitu perkara pertama yang akan dilakukan ialah memecah-belahkan kesatuan masyarakat setempat dari segi fahaman, bahasa dan tempat yang dikuasai mereka sehabis-habisnya. Apabila keadaan menjadi tidak aman, mereka akan melantik wakil mereka sebagai perunding atau penyelamat dan seterusnya menguasai tempat tersebut. Identiti asal masyarakat lazimnya terhapus dan mentaliti mereka akan ditanam dengan fahaman baru yang dibawa mereka.

Dalam *Sejarah Melayu* (Sulalatus Salatin) juga ada menerangkan tentang seorang raja yang bernama Gangga Syah Johan yang berkerajaan di Gangga Negara di Dinding (Jajahan Manjung, Perak). Raja tersebut mempunyai sebuah kota yang terletak di atas bukit. Kerajaan tersebut telah diserang dan dikalahkan oleh angkatan perang Raja Suran dari India. Serangan tersebut berlaku kira-kira pada tahun Masihi 1025 atau 1026. Berkenaan dengan serangan yang dibuat oleh angkatan perang Raja Suran itu, dalam *Sejarah Melayu* (Sulalatus Salatin) ada menyebut demikian;

"Setelah beberapa lamanya maka Raja Suran pun sampailah kepada sebuah negeri Gangga Negara namanya. Raja Gangga Syah Johan nama rajanya, maka adapun negeri itu di atas bukit, dipandang dari hadapan terlalu tinggi, dan dari belakang, rendah juga; ada sekarang kotanya di darat Dinding, ke sana Perak sedikit. Setelah Raja Gangga Syah Johan mendengar khabar Raja Suran datang, maka baginda menyuruhlah menghimpunkan segala rakyatnya dan menyuruh menutup pintu kotanya, dan bangunan-bangunan dan disuruh ditunggu, dan parit pun dipenuhi dengan air. Maka segala rakyat Raja Suran pun datanglah mengepung Kota Gangga Negara itu, maka dilawan berperang oleh orang di atas kota itu, maka segala rakyat Raja Suran pun tiada boleh tampil, kenaikkan baginda gajah meta, maka beberapa ditikam dan dipanah orang dari atas kota, tiada diendahkannya" (Abdul Samad Ahmad:1983)



Rajah 1.7 : Kerajaan Gangga Negara Yang Wujud Sejak Kurun Ke 11 Antara Kota Lama Yang Wujud Di Perak.
(Sumber : <http://mindaahad.wordpress.com>)

1.4 Peranan Kota Pemerintahan Melayu Lama

Sejarah kewujudan dan kegemilangan Kota Pemerintahan Melayu Lama (KPML) dikatakan telah bermula semenjak zaman Kesultanan Melayu Melaka pada awal abad ke 14. Kewujudan KPML di negeri Perak pula mula menjadi penting dalam sejarah dan kebudayaan Melayu apabila ia merupakan tapak kesinambungan kerajaan kesultanan Melaka apabila pewaris Sultan Mahmud Syah iaitu Sultan Muzaffar Shah dilantik menjadi Sultan di Tanah Abang di hilir Sungai Perak.

Pusat pemerintahan Islam pada awalnya di Madinah al-Munawwarah. Islam datang ke Jaziratu al-Jawa (alam Melayu, Nusantara, Timur Jauh) diperkirakan sezaman dengan ketika Islam tersebar di Semenanjung Tanah Arab (Abad Pertama Hijrah). Hal ini mungkin kerana bagi orang Arab hubungan perdagangan telah berlangsung sejak sebelum kedatangan Islam. Pusatnya di Sumatera, Malaka dan Jawa. Tempat tersebut dijadikan pelabuhan transit pelayaran

perdagangan mereka dari Teluk Parsi menuju China (Canton). Ketika Islam tersebar di tempat-tempat persinggahan tersebut, tempat itu menjadi tempat awal pemukiman masyarakat Muslim. Pemerintahan pada masa raja "Sri Paduka Sultan Abdullah" merupakan puncak masa keemasannya. Sebelum abad ke 10 Masihi dikatakan telah wujud kerajaan-kerajaan kecil Islam di sekitar Asia Tenggara yang dipanggil Mamalikal-Athraf. Pemerintahan Islam yang berbentuk kesultanan ini mengatur Tanah Melayu (Nusantara, Asia Tenggara) meliputi wilayah yang cukup luas.

Perkara ini menjadi antara titik awal kemunculan atau kelahiran sebuah negeri yang dipanggil negeri Perak apabila Sultan Mudzaffar Shah telah mendirikan ibu kotanya di tebing sungai Perak dan menjadi sultan pertama di negeri Perak. Semenjak itu kesultanan Melayu Perak berkembang seiring dengan perkembangan dan kemakmuran negerinya yang semakin meluas iaitu daripada Patani di Utara sehingga ke Bernam di bahagian Selatan.

Bangsa Melayu diklasifikasikan sebagai orang-orang yang menganut agama Islam, mengamalkan adat istiadat Melayu dan bertutur dalam Bahasa Melayu. Majoriti masyarakatnya menetap di Semenanjung Tanah Melayu dan Nusantara. Lebih spesifik lagi, bangsa ini terdiri dari suku kaum Banjar, Minangkabau, Jawa, Bugis atau keturunan Arab, Parsi, Turkey, China dan banyak lagi yang bermukim di kawasan ini. Persamaan ketara yang dapat dilihat pada suku-suku ini ialah mereka menganuti agama Islam, mengamalkan adat istiadat yang sama, menuturkan bahasa lingua franca yang sama dan Sultan atau Kesultanan menjadi pimpinan mereka. Di zaman kegemilangan Islam di Nusantara, Bahasa Melayu menjadi bahasa komunikasi rasmi dalam bidang politik dan perdagangan di Asia Tenggara hingga ke Indo-China. Dikatakan bahawasanya Bahasa Melayu itu digunakan dengan meluas dalam bidang persuratan, menjadi bahasa diplomatik serantau dan internasional dan ketatanegaraan serta undang-undang. Bahasa Melayu

juga mengalami evolusi apabila berpadu dengan bahasa Arab. Tidak salah kiranya dikatakan bahawa bangsa Melayu dan pemerintahan kesultanan lahir selepas kedatangan Islam.

1.5 Pendokumentasian Kota Pemerintahan Melayu Lama

Nama KPML di tebing Sungai Perak pernah tercatat dalam buku-buku pengembaraan pengembara-pengembara zaman silam sama ada pengembara dari China, Arab, Yunani, Itali mahupun India (Abdul Halim Nasir; 1990). Sehingga ke hari ini, masih amat sedikit bahan-bahan tertulis yang mencatatkan sejarah KPML di negeri Perak.

Sejarah perkembangan kesultanan Perak hanya dapat di akses daripada catatan buku dan manuskrip seperti 'Misa Melayu' oleh Raja Chulan Ibni Raja Hamid, buku 'Cempaka Sari' oleh Fawzi Basri, catatan-catatan R.J.Wilkinson (1901) dan R.O Winstedt (1986) serta kajian oleh Barbara Watson Andaya. Masalah pengkaji barat pula ialah mereka menggunakan fahaman barat yg diterapkan ke atas orang Melayu.³

Melalui tulisan-tulisan tersebut tercatat nama-nama penting seperti Pulau Indera Sakti, Pulau Cempaka Sari, Kota Lama Kanan, Semat (berhampiran Manong), Bota Kanan, Geronggong (berhampiran Pulau Tiga) sebagai kota-kota pemerintahan masa silam.

1.6 Pendapat-pendapat Tentang Kota Pemerintahan Melayu Lama

Kota Pemerintahan Melayu Lama sememangnya meninggalkan sejarah keagungan kota yang makmur dan menarik di sepanjang lembangan Sungai Perak. Kemakmuran pemerintahannya telah menarik perhatian ramai pengkaji tidak kira dari dalam atau luar negara.

³ "...the assumptions and expectations which have determined its structure are analogous to those which bedevil Southeast Asian history generally; that Malay is an undifferentiated category, that it has a classical period, in which is to be defined a golden age, that it is susceptible of a linear historical treatment, and so on." (AH Johns:1985).

Salah seorang pengkaji luar yang memulakan penyelidikan ini ialah Colonel James Low iaitu pada tahun 1840-an. Beliau berpendapat KPML ini sememangnya wujud tetapi beliau juga menyatakan bahawa agak sukar untuk memastikan lokasi sebenar penempatan kota-kota itu. Sehubungan dengan itu, perkara yang sering dan ingin sekali diketahui para pengkaji sejarah mengenai sesuatu petempatan atau kerajaan lama adalah berkenaan dengan lokasi perletakan kota itu pada masa kini, siapakah pengasasnya, apakah corak atau sistem pemerintahan yang diamalkan dan apakah faktor-faktor lain yang menyebabkan pusat pemerintahan itu dianggap mampu mencapai kegemilangan sehingga menjadi persinggahan pilihan pedagang-pedagang dari Timur dan Barat.

Menurut Siti Norlizaiha Harun (2007), sistem penempatan penduduk pada zaman pemerintahan Kesultanan Melayu Perak boleh dilihat dari dua suasana iaitu perkembangan kota semasa kurun awal kedatangan Islam dan kemunculan kota pemerintahan semasa era kejatuhan Melaka. Dalam konteks penyelidikan ini sistem penempatan penduduk bermaksud bandar dan diertikan dengan istilah kota.

Dari segi bahan-bahan penulisan dan catatan sejarah, sangat sedikit keterangan yang boleh didapati tentang kota-kota Melayu sebelum munculnya Melaka. Kisah-kisah sejarah raja-raja Melayu banyak menyentuh aspek berkaitan sistem pemerintahan dan sosio budaya. Pembinaan bandar untuk penempatan penduduk atau reka bentuk fizikal yang awal lebih berbentuk kepada keperluan institusi raja yang dikenali sebagai kota atau kubu.

Perbezaan maksud kedua-dua istilah ini dilihat dari segi fungsi pembinaan. Kubu lebih bermaksud pertahanan semata-mata manakala kota adalah tempat pentadbiran dan kediaman raja, dan ia boleh juga berfungsi sebagai struktur pertahanan. Perkaitan corak reka bentuk fizikal kubu-dikaitkan dengan kisah dan lagenda masyarakat Melayu yang sering menceritakan bahawa sesebuah negeri itu dilengkapi dengan kota berparit dan berfungsi sebagai pusat pemerintahan,

tempat bersemayam raja-raja, pembesar-pembesar negeri dan kegiatan ekonomi dan sosial masyarakat.

1.7 Kota Pemerintahan Melayu Lama Di Perak

Pada tahun 1528, seorang putera Sultan Mahmud Syah Melaka yang bernama Raja Muzaffar dilantik oleh para pembesar Perak menjadi Sultan Perak bergelar Sultan Muzaffar Syah. Lantikan tersebut dibuat di tempat yang bernama Tanah Abang (mukim Lambor, Perak sekarang), terletak di tebing kanan Sungai Perak, Perak Tengah. Dengan perlantikan itu, bermulalah pemerintahan Kesultanan Melayu Perak.

Semenjak pemerintahan Sultan Muzaffar Syah, sultan-sultan Perak yang kemudian menempatkan pusat pemerintahan di merata-rata tempat di sepanjang lembangan Sungai Perak, seperti Batak Rabbit, Durian Sebatang, Pulau Indera Sakti, Teluk Penadah, Pulau Juar, Pulau Tiga, Bandar Tua, Pulau Semat, Cempaka Sari, Brahma Indera (Bota), Tanjung Belanga, Sayung, Kota Lama Kanan, dan beberapa tempat yang lain. Pada waktu Inggeris mula menguasai negeri Perak, barulah pusat pemerintahan kesultanan berpindah ke tebing kanan Sungai Perak, iaitu di Bukit Chandan, Kuala Kangsar.

Di sepanjang lembangan Sungai Perak, iaitu bermula dari Durian Sebatang di Teluk Intan hinggalah ke Sayung di Kuala Kangsar, masih terdapat makam-makam kesultanan Melayu Perak. Kedudukan makam-makam yang bertaburan di sepanjang lembangan Sungai Perak itu disebabkan oleh kedudukan pusat-pusat pemerintah yang berubah-ubah dari satu tempat ke satu tempat. Apabila berlaku kemangkatan Sultan yang memerintah, tidak semestinya putera kepada raja yang mangkat dilantik menjadi sultan, kerana bergantung kepada sistem giliran yang telah ditentukan oleh peraturan Diraja Perak. Selain daripada putera yang mangkat, putera-putera